

BIBLIOGRAFI

- Asmah Hj. Omar. 2005. Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ebrahim, S. H. 2003. *The Socio-political Milieu of Cape Islam in the Early 20th Century: A Portrait*, dlm. Journal Islamic College of Southern Africa (ICOSA) Jilid 3, hlm. 30.
- I. D. du Plessis. 1945. *Tales From The Malay Quarter*. Cape Town: Masker Miller Ltd.
- Lionel E. Jennings. 1988. *The Concise Trilingual Pocket Dictionary*. Jeppestown: Ad Donker Publisher.
- M. Cassiem D'Arcy. 1988. *The Golden Kris*. Cape Town: Masker Miller Ltd.
- _____. 1996. *Rage of the Sea Wind*. Cape Town: Thorold's Africana Books.
- Rayda Jacobs. 1996. *Eyes of the Sky*. United Kingdom: Heinemann.
- _____. 1998. *The Slave Book*. South Africa: Kwela Books.
- _____. 2001. *Sachs Street*. South Africa: Kwela Books.
- _____. *Confessions of a Gambler*. South Africa: Kwela Books.
- Van Sterkenburg, P.G.J. 2003. *Etimologiewoordeboek van Afrikaans*. Cape Town: Woordeboek Van Die Afrikaans Taal (WAT), University of Stellenbosch.
- (Tanpa Penulis). 1996. *Guide To The Kramats of the Western Cape*. Cape Town: Capemazaar Society.

PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM: PERMASALAHAN REKA BENTUK DAN METODOLOGI

Oleh
Rosnani Hashim¹

Abstract

Research design and methods are essential before any form of research can be conducted. A proper research design and an accurate research method are important to ensure that the findings are valid and reliable. Weaknesses in the research method might not yield accurate findings. Both research design and research method are underlined by epistemological grounds. This article examines problems related to research design and methods in Islamic education. It examines the weaknesses of research in Islamic Education that has not been producing findings that could benefit teachers, policy makers and students.

Background

Umat Islam pada abad baru ini menghadapi banyak masalah yang timbul, jika dulu kerana kesan-kesan penjajahan tetapi kini dari arus globalisasi yang semakin deras melanda pesisiran negara. Kesan globalisasi lebih dahsyat daripada penjajahan dalam konteks pengaruh moral dan budaya kerana aliran maklumat umpama gelombang besar yang sukar dikawal, yang menembusi sempadan negara menerusi teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih. Jika dulu sukar didengar masalah seks sebelum

¹ Rosnani Hashim ialah Profesor di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

perkahwinan yang dilarang agama, tetapi kini sudah kerap berlaku. Jika diandaikan bagi setiap kes yang dilaporkan di akhbar terdapat gandaan kes yang tidak dilaporkan, maka kita boleh bayangkan banyaknya kes ini dalam setahun. Perlakuan muda-mudi di dalam kenderaan ringan transit (LRT), di pusat membeli-belah atau di taman bunga juga amat menjelikkan dari sudut moral. Semua ini menimbulkan banyak pertanyaan tentang nilai dan mutu pendidikan yang diberikan kepada generasi muda, di samping kesan daripada pengaruh media seperti program television dan video di pasaran. Selain daripada perkembangan sosial yang semakin longgar, perkembangan pendidikan yang pesat hari ini khususnya penerapan teknologi, penswastaan dan pengkomoditian pendidikan juga menimbulkan banyak masalah dan juga cabaran baru bagi guru-guru dan pentadbir pendidikan dari pelbagai sudut seperti kurikulum pengajian, matlamat pendidikan, metodologi pengajaran, latihan guru, prasarana pengajaran-pembelajaran, penggunaan Bahasa Inggeris dan jurang pendidikan bandar dan luar bandar yang semakin melebar.

Satu usaha permulaan bagi penyelesaian permasalahan ini adalah menerusi penyelidikan atau kajian. Justeru itu, penyelidikan dalam pelbagai aspek pendidikan amatlah diperlukan bagi membantu mengatasi masalah dan cabaran ini. Menerusi penyelidikan, besar kemungkinan lebih banyak maklumat dapat diperolehi untuk menjelaskan lagi masalah ini. Sesungguhnya penyelidikan tidak dapat dipisahkan daripada masalah, begitu juga tidak dapat dipisahkan sebarang disiplin ilmu, termasuk pendidikan daripada penyelidikan. Namun demikian, kebelakangan ini terdapat banyak kritikan yang telah dilontarkan kepada penyelidikan dalam pendidikan yang telah membelanjakan pembiayaan dana yang besar di negara-negara Barat khususnya Amerika Syarikat dan Britain. Satu laporan (Hillage Report, 1998) mendedahkan bahawa dana itu tidak dimanfaatkan sebaiknya. Mereka berhujah bahawa penyelidikan tidak memberi jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh kerajaan

bagi membantu membuat keputusan yang melibatkan alternatif seperti saiz kelas atau keperluan pendidikan seksualiti. Kedua, penyelidikan tidak membantu amalan atau praktis profesional dalam hal seperti pengajaran bacaan, dalam kumpulan kecil atau kaedah mengajar. Ketiga, penyelidikan bersifat serpihan iaitu secebis di sana sini, mengkaji soalan yang serupa tetapi dari kedudukan yang berbeza atau menggunakan sampel yang berbeza sehingga sukar untuk dijadikan asas yang kukuh untuk praktis atau dasar. Keempat, penyelidikan selalunya bermotivasikan politik – dan meminggirkan mereka yang tidak menganuti fahaman yang melandasi program penyelidikan itu. Masalah ini ditegaskan oleh Goodlad (dalam Berliner et al., 1997, h. 13):

Criticism of educational research and statements regarding its unworthiness are commonplace in the halls of power and commerce, in the public marketplace, and even among large numbers of educators who work in our schools. Indeed, there is considerable advocacy for the eliminations of the locus of most educational research – namely, schools, colleges and departments of education. [Kritikan terhadap penyelidikan pendidikan dan kenyataan-kenyataan tentang kesesiaannya sering terjadi di kalangan pihak yang berkuasa dan usahawan, di tempat umum, malahan di kalangan pendidik yang mengajar di sekolah. Bahkan, penggesaan supaya locus di mana berlakunya penyelidikan pendidikan – iaitu sekolah, kulliyah dan jabatan pendidikan, dihapuskan semakin kuat].

Tetapi masalah sebenarnya bukan kerana kekurangan asas ilmu tetapi kegagalan penyelidik pendidikan membina kerangka teoritical yang memuaskan. Berliner juga menyimpulkan perkara yang serupa: memang

ada tubuh ilmu, tetapi ia tidak disintesis secara yang boleh difahami oleh pentadbir-pentadbir dari kalangan pendidik dan juga ahli politik. Sementara itu Kennedy (1997) merumuskan bahawa empat punca utama kegagalan penyelidikan memberi kesan kepada amalan pendidikan ialah: Keadaannya yang seolah-olah tidak mempunyai relevansi kepada praktikal, kerendahan mutunya berbanding penyelidikan dalam bidang lain (khususnya sains sosial), kekurangan akses kepada hasil kajian itu sendiri, dan kekurangan keupayaan sistem pendidikan sendiri bertindak dan membuat keputusan berdasarkan hasil penyelidikan. Mungkin benar terdapat banyak penyelidikan yang bermutu rendah. Rosnani (2004) menjelaskan masalah yang serupa dalam konteks penyelidikan pendidikan Islam di mana ia juga terbawa-bawa dengan pengaruh empirisme sehingga tubuh dasarnya al-Qur'an tidak digali untuk mendapatkan mutiaraanya. Satu daripada sebab kerendahan mutu adalah kemungkinan penyelidikan itu tidak bermakna atau bererti dari segi konsep dan falsafah. Banyak kajian-kajian pendidikan (Pring, 2000) melibatkan pendirian falsafah yang penuh kontroversi tanpa penyelidikan sendiri menyedari hakikat tersebut dan dalam keadaan di mana lebih ramai penyelidik yang memeluki fahaman-fahaman atau isme yang baru (terkini pasca modernisme), maka kian lebarlah jarak antara penyelidik dan guru selaku pengamal pendidikan.

Artikel ini mengupas perbincangan yang hangat tentang falsafah yang menjadi teras kepada penyelidikan pendidikan yang menggunakan rekabentuk kuantitatif dan kualitatif secara 'am sambil mendedah kekurangan-kekurangannya. Seterusnya ia membincangkan implikasi perbincangan falsafah ini terhadap penyelidikan untuk bidang Pendidikan Islam khususnya dalam konteks rekabentuk dan metodologi penyelidikan. Akhirnya ia memberi beberapa tumpuan yang harus diperhatikan oleh penyelidik dalam Pendidikan Islam.

Takrif Penyelidikan

Penyelidikan dalam bidang pendidikan atau penyelidikan pendidikan bukanlah satu perkara baru. Ujian Setara dan Ujian Kepintaran IQ mula mewarnai dunia pendidikan seawal akhir kurun ke-19. Ia adalah satu bentuk penyelidikan awal, dalam konteks untuk mewujudkan ujian yang boleh dijadikan kriteria mengenalpasti kebolehan kognitif kanak-kanak. Secara saintifik penyelidikan dalam pendidikan pada mulanya memang banyak dipengaruhi oleh kaedah penyelidikan sains tabii.

Penyelidikan boleh ditakrifkan secara umum (Neuman, 1994: 1) sebagai "satu cara untuk mencari jawapan kepada persoalan." Dalam ertikata ini, ramai orang melakukan penyelidikan dalam kehidupan mereka. Bagaimanapun, dalam konteks sesuatu disiplin ilmu, takrif ini masih terlalu longgar. Menurut Kamus Webster (1968), penyelidikan ialah "1. satu penyiasatan yang sistematis dalam sesuatu cabang sains atau ilmu; 2. pemerhatian terlatih, dan penyiasatan yang dilakukan ke atas sebarang bidang ilmu dengan harapan untuk menemui satu maklumat baru." Dengan kata lain, penyelidikan ialah usaha mencari jawapan kepada persoalan dengan menggunakan kaedah yang sistematis, boleh dipercayai dan sah, berdasarkan bukti-bukti yang sahih – sama ada bukti empiris, hujah aqliyyah (rasional) mahu pun hujah naqliyyah, yang mungkin menemui maklumat baru atau pun menghasilkan suatu sintesis kepada maklumat yang sedia ada. Justeru itu, penyelidikan pendidikan boleh ditakrifkan sebagai usaha mencari jawapan kepada persoalan dalam bidang ilmu dan praktis pendidikan dengan menggunakan kaedah yang sistematis yang dilakukan oleh sarjana pendidikan.

Galakan pemikiran dan penyelidikan dalam Tradisi Islam

Dalam konteks tasawwur Islam, umat Islam sememangnya digalakkan dan diseru oleh Allah dan RasulNya (s.a.w.) untuk sentiasa melakukan

pemikiran, penyiasatan dan penyelidikan. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyuruh orang-orang yang beriman untuk merenung fenomena alam di sekeliling mereka, sejarah dan psikologi insan supaya mereka dapat memahami Tanda-Tanda yang telah Allah sediakan. Umpamanya, Allah memerintahkan umat Islam untuk mengkaji al-Qur'an dengan teliti untuk mendapatkan panduan dan pelajaran daripadanya:

Ini adalah sebuah kitab (al-Qur'an) yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran [S. Sad (38): 29]

Pada surah yang lain, Allah memerintahkan umat Islam untuk meneliti kejadian pada alam tabi'i. FirmanNya (bermaksud):

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, iaitu orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka" [S al 'Imran (3):190-91].

Dan Dia-lah tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-sungai padanya. Dan menjadikan padanya semua buah-buahan berpasangan, Allah menutupkan malam kepada siang.

Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan [S al-Ra'd (13): 3].

Dalam banyak ayat al-Qur'an Allah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk berjalan dan mengembara untuk memerhatikan dengan teliti kesan-kesan sejarah yang membabitkan kaum yang ingkar kepadaNya:

Katakanlah: Berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul) [S al-An'am (6):11]

Dan apakah mereka tidak mengadakan perjalanan di muka bumi, lalu memperhatikan betapa kesudahan orang-orang sebelum mereka itu? [S al-Ghafir (40):21]

Bahkan soalan ini diulang-ulang dalam al-Qur'an untuk memberi penekanan dan peringatan terhadap usaha menyelidik dan mengambil pelajaran daripada hasil penyelidikan itu (lihat Al-Qur'an (30): 9, (30): 42; (40): 82; (47): 10; (3): 137; (16): 36; (27): 69; (29): 20). Bahkan umat Islam ditegur supaya tidak mempercayai sesuatu perkara atau khabar berita sebelum menyelidikinya atau memperoleh bukti yang kukuh (al-Qur'an 24: 4-13).

Hasil renungan ini memungkin orang beriman menambahkan keimanan mereka dan/atau menghasilkan penemuan baru atas daya kreativiti mereka itu. Untuk tujuan kreativiti ini, Allah telah pun menganugerahkan kepada manusia akal dan "mengajar insan melalui *qalam* (pena)." Sebuah pena yang dianugerahkan oleh Allah bukanlah sekadar untuk menulis kembali apa yang sudah ditulis sebab itu mungkin satu perbuatan yang tidak banyak manfaatnya. Tetapi pena ini bolehlah diterjemahkan sebagai satu anugerah

Allah yang membolehkan manusia menulis sesuatu yang baru bersandarkan pemahaman terhadap apa yang telah ditulis dan terhadap penyelidikan yang berasaskan kriteria "baca dengan nama Tuhanmu." Penyelidikan dan hasil penyelidikan yang membawa kepada ibadah melalui berfikir dan berzikir kepada Allah dan penghasilan sesuatu manfaat daripada ilmu itu menepati sebahagian maksud khalifah Allah.

Seluruh alam maya ini memang dibuat khas untuk manfaat insan seperti maksud firman Allah:

Dan Dia menundukkan untukmu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya, (sebagai rahmat) daripadanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir [S. al-Jathiyah (45): 13].

Umat Islam yang tidak berfikir, merenung dan menyelidik ini dianggap lebih buruk dari haiwan:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai [S. al-Araf (7):179].

Justeru, pemikiran dan penyelidikan dituntut oleh al-Qur'an dan dianggap sebagai satu aktiviti yang mulia. Pemikiran yang kritis dan tajam dapat membantu umat menyelesaikan masalah mereka. Hasil pemikiran dan

penyelidikan yang dilakukan tidak semestinya membuahkan hasil. Mungkin hasilnya tidak menyerlah. Bagaimana pun kewujudan kemungkinan untuk tidak membuahkan hasil yang positif tidak semestinya menghentikan semangat umat Islam untuk berfikir dan menyelidik. Berbeza dengan fahaman-fahaman di Barat, khususnya falsafah pragmatisme yang mementingkan hasil penyelidikan sebagai bukti kejayaan atau kebenaran sesuatu teori yang diselidik, Islam lebih mementingkan proses dan usaha pemikiran dalam penyelidikan. Ini dapat dibuktikan dalam konteks ijihad yang merupakan satu usaha pemikiran yang bersungguh-sungguh untuk memecahkan masalah. Hadith menegaskan bahawa jika ijihad itu tepat, pahalanya dua kali sementara jika ijihad itu tidak tepat, pahalanya sekali. Tidak sekali-kali umat dihukum atau didenda jika membuat kesilapan dalam berijihad. Inilah sebenarnya ruh Islam dalam konteks menggalakkan umat berfikir dan membuat penyelidikan. Menurut Sarton (1927), ahli sejarah sains dari Harvard, ayat-ayat inilah yang mendorong umat Islam silam untuk melakukan penyelidikan sehingga mencapai kemajuan dalam segala bentuk ilmu dan teknologi yang tidak pernah dialami oleh peradaban sebelumnya.

Matlamat penyelidikan dari perspektif Islam

Dalam konteks tasawwur Islam, penyelidikan yang bermaksud meneliti dan membuat penyiasatan ke atas ayat-ayat Allah yang terdapat dalam al-Qur'an, ke atas alam tabi'i, sejarah dan psikologi insan mempunyai beberapa matlamat. Matlamat utamanya ialah untuk menimbulkan rasa takjub kepada kekuasaan, kebijaksanaan dan kebesaran Allah sehingga meningkatkan keimanan penyelidikan, rasa kerdilnya dan syukurnya terhadap Allah. Perkara ini dirasakan oleh Ibn Rushd dalam konteks perubatan dan juga Einstein dalam konteks ruang angkasa dan tenaga. Matlamat ini merangkumi juga pengenalan kepada Penulis atau Pencipta ayat-ayat pada alam ini iaitu ayat al-Qur'an dan fenomena alam tabi'i. Pengenalan ini

seharusnya meningkatkan perasaan ubudiyah hamba kepada Penciptanya. Di sini kita lihat hubungan antara fikir tentang ciptaan Allah yang melahirkan zikir terhadapnya dan bagaimana aktiviti penyelidikan sebenarnya juga satu zikrullah (Dawilah, 1992).

Matlamat kedua penyelidikan ialah untuk melabirkan makna tentang ayat-ayat yang dibaca supaya memberi makna dan hala tuju dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Kefahaman makna ini akan melahirkan ilmu pada diri penyelidikan dan sekiranya disebarkan dan diaplikasikan ia dapat dimanfaatkan pula oleh manusia seluruhnya. Oleh kerana al-Qur'an itu relevan untuk sebarang zaman, masa dan masyarakat, maka penelitian dan penyelidikan yang kritis terhadap ayat-ayatnya dapat membantu penyelidikan (mungkin ahli tafsir atau ahli sains) memahami makna ayat yang dibaca dalam konteks zamannya. Ini bermakna bahawa tafsiran individu itu bukanlah muktamad dalam ertikata boleh dipakai sehingga abadi (Kazmi, 2000; Abdurrahman, 1994). Hasil daripada penyelidikan itu boleh digunakan untuk membantu umat menyelesaikan sebarang kekeliruan dan masalah sosial, ekonomi atau politik yang sedang dihadapi.

Al-Qur'an juga mengandungi banyak petunjuk kepada shari'ah atau undang-undang kehidupan yang teratur khususnya bersabit *maqasid al-Shari'ah* yang bertujuan memelihara lima kepentingan iaitu aqidah (*din*), jiwa (*nafs*), harta (*mal*), nasab (*nasl*) dan akal (*'aql*). Ia mempunyai pedoman tentang insan – keluh kesahnya, halobanya, gopohnya dan berbagai psikologi mereka. Sejarah insan dalam al-Qur'an boleh dicungkil dan banyak pelajaran dapat digarap. Pengajian al-Qur'an dapat menjelaskan lagi konsep-konsep pokok dalam agama seperti ulama', ijihad, yaum al-akhir dan sebagainya. Atur cara hidup berakhlak banyak sekali disentuh dalam al-Qur'an sehingga penelitiannya dapat memberi panduan hidup bermasyarakat yang berakhlak. Al-Qur'an juga sebagai Kitab yang memberi Hikmah dan pendidikan menggunakan pelbagai teknik

penyampaian ilmu yang boleh para pendidik manfaatkan. Bahkan Imam al-Ghazali (1978) dalam karyanya *Al-Qistas al-Mustaqim* menjelaskan bahawa silogisme Aristotle telah diguna dan digalakkan dalam al-Qur'an and beliau menunjukkan contoh-contohnya daripada perundangan Islam.

Penelitian dan penyelidikan terhadap fenomena alam tabi'i yang tidak banyak berubah dan mempunyai undang-undang yang tetap (Sunnatullah) pula, boleh menemukan prinsip-prinsip saintifik yang menjadi sandaran makhluk Allah dari yang tersangat kecil seperti atom dan virus, sehinggalah kepada yang tersangat besar dalam alam raya ini seperti matahari dan bintang. Penemuan prinsip-prinsip dan undang-undang saintifik, seperti undang-undang Newton dan Einstein, boleh dimanfaatkan oleh manusia dalam kehidupan mereka. Selain daripada itu, penyelidikan terhadap ayat (tanda-tanda) Allah ini juga dapat merangsang manusia untuk mengkaji dan mencuba daya kreativiti mereka sehingga menghasilkan ciptaan baru seperti mencipta kapal terbang berdasarkan ilham daripada penyelidikan ke atas ciptaan Allah yang boleh terbang seperti burung, angin, konsep kelajuan dan sebagainya (Rosnani, 2004).

Fokus penyelidikan pendidikan – amalan dan dasar pendidikan

Satu perkara dasar yang perlu direnungkan ialah isu tentang apakah ciri-ciri penyelidikan pendidikan yang membedakannya dengan penyelidikan sains sosial kerana tanpa keunikan ini, ia mungkin cuma satu subset daripada penyelidikan sains sosial. Apabila ini berlaku, besar kemungkinan jurang antara penyelidikan dan amalan pendidikan akan bertambah, sehingga penyelidikan itu bersifat teoretikal semata-mata tanpa dapat dimanfaatkan oleh pengamal pendidikan. Justeru kita perlu bedakan antara penyelidikan yang terlingkung dalam sains sosial tetapi relevan kepada pendidikan dengan penyelidikan yang sememangnya terbit daripada keprihatinan terhadap pendidikan sendiri. Perbedaan ini kadang-

kadang kabur sehingga penyelidikan yang relevan kepada pendidikan diletakkan dalam disiplin psikologi, sosiologi atau falsafah. Tetapi kerelevannya itu hanya akan kekal sekiranya ia mempunyai kaitan dengan amalan pendidikan – kepada aktiviti yang dilakukan oleh guru, yang mempunyai ciri yang boleh diiktiraf sebagai pendidikan. Seseorang ahli sosiologi boleh memberi pemerhatian di dalam sebuah bilik darjah yang menarik tetapi mungkin tidak relevan kepada pemahaman tentang apa yang sedang berlaku dari sudut pendidikan. Oleh demikian, kita wajar kupas dulu apa yang kita maksudkan dengan konsep ‘pendidikan’. Ini penting sebab cara kita memerihalkan dan menilai aktiviti ‘pendidikan’ melibatkan satu cara mengkonsepsikan dan menghargai pengalaman. Terdapat asumsi yang tersirat tentang apa jenis pengalaman yang dianggap mempunyai nilai pendidikan dan jenis manusia yang dianggap sebagai terdidik. Seseorang mungkin menganggap keupayaan menghargai seni muzik sebagai sangat perlu untuk ciri orang yang terdidik; seorang lagi pula memberi nilai yang kurang kepada seni muzik tetapi menekankan kepentingan terhadap sains; dan seorang lagi mungkin memberi nilai kepada kebijaksanaan yang lahir daripada pengalaman. Herbert Spencer pernah membahaskan perkara ini dalam esainya berjudul *What’s knowledge is most worth* untuk menjelaskan ilmu yang perlu dipelajari dalam karyanya *Education: Intellectual, Moral and Physical*. Begitu juga Gardner dengan *Multiple Intelligences*. Laporan Dearing (1994) menyarankan supaya bidang kemanusiaan dan kesenian tidak lagi diwajibkan bagi Kurikulum Kebangsaan di Britain selepas usia 14. Begitu juga di Malaysia sendiri mata pelajaran ilmu alam telah digugurkan daripada pendidikan Menengah Atas. Di kebanyakan negara tidak ada hujah pun diberi untuk memberi keutamaan kepada sains dan matematik walaupun ini adalah satu pertimbangan pendidikan.

Konsep dan matlamat pendidikan

Istilah pendidikan boleh difahami daripada beberapa kalimah dalam Bahasa Arab yang merujuk kepada pendidikan seperti *ta’lim*, *tahdhib*, *tarbiyyah* dan *ta’dib*. Menurut Nashabi tidak wujud apa yang dinamakan falsafah pendidikan Islam tetapi teosofi Islam yang diaplikasikan kepada pendidikan, atau teori pengajaran (*ta’lim*) atau teori ilmu Islam and tingkah laku (akhlak) sehingga sarjana pendidikan terpaksa mencipta istilah *tarbiyyah* yang hampir tidak wujud dalam kesusasteraan klasik Islam untuk merujuk kepada kedua-dua pendidikan dan pengajaran. Ini menunjukkan bahawa dalam tradisi Islam memang pengajaran berlaku dari Allah kepada manusia dan Rasulnya (*‘allama*). Prof. Al-Attas (1991) berhujah bahawa antara tiga kalimat – *ta’lim*, *ta’dib* dan *tarbiyyah*, *ta’dib* lebih tepat sebab ia mempunyai makna yang lebih spesifik untuk mendidik berbanding *tarbiyyah* yang lebih luas sehingga meliputi haiwan, di samping penekannya kepada pengasuhan fizikal lebih daripada penyuburan mental dan rohani.

Misalnya perkataan *tarbiyyah* juga telah digunakan untuk merujuk kepada Nabi Musa yang dipelihara dan dibesarkan oleh Firaun dan isterinya. Namun prinsip kepercayaan Firaun tidak turun kepada Nabi Musa. Justeru *tarbiyyah* dalam konteks ini cuma bermaksud pengasuhan fizikal dan mental tetapi tidak kepada kepercayaan, rohanian dan moral. Hujahnya lagi, Rasulullah sendiri menggunakan perkataan *ta’dib* untuk merujuk tentang pendidikan yang Allah berikan kepadanya. Tambahan, *ta’dib* memberi pengertian yang membawa unsur adab, hikmah dan adil, seterusnya mengenali dan mengiktiraf Allah selaku Khaliq dan kita selaku ‘Abd. *Ta’lim* pula merujuk kepada aktiviti pengajaran sahaja dan tidak meliputi unsur adab. Berdasarkan analisisnya ke atas tiga kalimah ini, Al-Attas (1991) berpendapat bahawa pendidikan ialah satu usaha penitisan atau pembinaan adab dalam jiwa insan supaya ia mengenal dan berperakui kedudukan dirinya dalam tatasusunan alam ini berhubung

dengan Khaliq dan juga makhluk-makhluk yang lain. Justeru matlamat akhir pendidikan dari perspektif Islam ialah untuk meneguhkan lagi keimanan pelajar kepada Penciptanya dan ini perlu disusuli dengan tindakan atau amalan yang sewajarnya seperti mendirikan alat sebagai bukti perakuan.

Ahli falsafah Barat juga mempunyai pandangan tentang pendidikan yang berbeza-beda menurut mazhab mereka. Frankena (1965), seorang ahli falsafah Amerika berpendapat bahawa secara umum pendidikan bermaksud (1) satu proses pembelajaran yang berlaku pada kanak-kanak; (2) kegiatan mendidik yang dilakukan oleh guru, sekolah atau ibubapa; (3) satu hasil yang lahir dari (1) dan (2); dan (4) satu disiplin atau bidang ilmu yang mengkaji atau meneliti (1), (2), dan (3), dan diajar di fakulti-fakulti pendidikan atau institusi latihan perguruan. Ia adalah satu usaha praktikal untuk menghasilkan sesuatu, mengubah sikap atau mengubah perlakuan individu. Menurut beliau dan Gutek (1987), ahli falsafah Yunani khususnya Aristotle, berpendapat bahawa pendidikan ialah pemupukan tabiat (*habits*) atau pekerti (*virtues*) yang terbaik seperti berani, sabar, bijaksana dan istiqamah, yang apabila telah dihayati akan menjadikan seseorang itu sentiasa melakukan yang terbaik. Menurutnyanya, tabiat yang paling baik ialah penggunaan akal untuk mena'akul atau berfikir. Justeru, pendidikan ialah satu usaha untuk merealisasikan seoptimum mungkin segala potensi kebaikan yang dimiliki oleh insan. Ahli sosiologi pendidikan pula berhujah bahawa pendidikan mempunyai peranan yang sangat besar dalam pemindahan budaya, nilai, kepercayaan, ilmu dan kemahiran daripada satu generasi ke generasi seterusnya. Justeru pendidikan Barat dan matlamatnya tidak dihubungi dengan aqidah kecuali dalam konteks pendidikan Kristian. Bagaimana pun ia masih menekankan pekerti dan tabiat yang baik.

Pendidikan merujuk kepada kegiatan yang membawa kepada pembelajaran sesuatu yang bermanfaat sebab bukan semua pembelajaran

bercorak pendidikan. Pembelajaran yang bermanfaat dari sudut pendidikan bergantung kepada sumbangannya terhadap perkembangan seseorang sebagai insan. Hubungan antara pembelajaran dan prosesnya mempunyai hubungkait yang erat. Cara memperoleh kefahaman, kepercayaan, sikap dan kemahiran yang ingin disifatkan dengan seseorang yang terdidik adalah cara pendidikan yang khusus kepada manusia sahaja. Menurut Pring (2000: 15) dalam pembelajaran, "There is an *attempt* to make sense, a *process* of enquiry, a *questioning* of solutions, an *adaptation* of frameworks of understanding to new challenges, a making *personal* the 'solutions' offered in an *impersonal* form" [Ada usaha untuk mencari makna, satu proses penyiasatan, penyoalan tentang penyelesaian-penyelesaian, pengubahsuaian kerangka pemahaman terhadap cabaran-cabaran baru, menjadikan 'penyelesaian' bentuk *impersonal* yang diajarkan kepada bentuk milik peribadi]. Justeru konsep-konsep utama dalam pendidikan adalah insan dan pembangunannya. – mengenali khaliqnya, mengenali diri dan identitinya khususnya konsep khaliqah dan 'abd, pembelajaran sesuatu yang bernilai, signifikan dan bermakna – konsep-konsep, kerangka konseptualnya dan ilmu yang bermakna, dan pengajaran sebagai usaha untuk merapatkan jurang antara keadaan minda pelajar dan subjek yang ingin dipelajari – bermakna guru yang dibekali dengan berbagai-bagai kaedah mengajar yang bersesuaian dengan pelajarannya.

Kesimpulannya, pendidikan melibatkan tiga ramuan penting iaitu, insan yang ingin dididik, ilmu yang ingin dilitiskan atau dibangun, dan guru yang akan melakukan proses pendidikan itu menggunakan metodologi yang bersesuaian. Justeru pendidikan melibatkan pengetahuan tentang tabi'i insan (metafizik), teori ilmu (epistemologi) dan juga nilai (*ethics*), dan kaedah yang sistematis dan logikal bagi memastikan ia boleh difahami oleh pelajar. Ini bermakna pendidikan diwarnai oleh tasawwur atau *world view* seseorang dan anggota masyarakat itu sebab tasawwur adalah

perspektif seseorang tentang dunia dan ia sekelompok pegangan atau kepercayaan seseorang. Tasawwur merupakan falsafah seseorang tentang kewujudan, ilmu dan nilai. Falsafah, teori dan praktis pendidikan mempunyai hubungan yang jelas seperti yang terdapat dalam rajah 1 yang menggambarkan pendidikan sebagai satu bangunan. Falsafah menjelaskan kekeliruan, memberi makna, kontek dan halatuju pendidikan yang kemudiannya melahirkan teori yang memberi prinsip dan membina kurikulum yang diterjemahkan dalam kegiatan pendidikan. Sebaliknya pergerakan boleh juga berlaku dari

Paras 3 Falsafah Pendidikan (dari Tasawwur)Menjelaskan, Memberi maknaMemahami kontek, Memberi halatuju

Paras 2 Teori PendidikanMenghubungkan prinsip, bina kurikulumMempengaruhi amalan

Paras 1 Kegiatan pendidikanBilik darjah, makmal dan padang

Rajah 1. Hubungan antara falsafah, teori dan aktiviti pendidikan

Sumber: Moore, T.W. *Educational Theory: An Introduction* (London: Routledge & Kegan Paul, 1974).

bawah ke atas. Inilah bahasa pendidikan dan juga bahasa penyelidikan tentang pendidikan. Sekiranya bahasa yang berbeda digunakan dalam wacana pendidikan dan penyelidikannya, sudah tentu nilai moral pendidikan akan terabai. Hari ini sudah ada usaha untuk menukar lagu atau bahasa wacana pendidikan kerana kepentingan penyelidikan atau kuasa politik. Banyak istilah perdagangan dan perniagaan telah dibawa masuk seperti *quality circle*, *quality assurance*, *product*, *efficiency*, *effectiveness*, *stakeholders*, *testing against product specification*, dan *empowering of the clients*. Apabila kita diminta memikirkan pendidikan dalam bahasa perniagaan, ini adalah satu cara pemikiran yang baru tentang hubungan guru dan pelajar. Ia menggunakan metafora yang berbeda dan

cara memerihalkan dan menilai aktiviti pendidikan yang berbeda. Dengan ini, ia akan merubah aktiviti tersebut kepada suatu yang lain. Ia akan mengubah kontek moral yang merupakan intisari pendidikan dan penilaian kejayaan atau kegagalannya yang semakin bergantung kepada nombor dan bukan kualiti insaniah.

Penyelidikan dan teori pendidikan

Penyelidikan pendidikan sememangnya diperlukan kerana beberapa tujuan. Pertama, ia diperlukan untuk mengesahkan sama ada sesuatu teori pendidikan yang mungkin memerihalkan sifat insan (pelajar) atau kaedah pemerolehan ilmu yang diilhamkan oleh sarjana pendidikan atau ahli falsafah seperti Plato, Al-Ghazali, Ibn Khaldun, al-Qabisi, Rousseau, Piaget, Bloom dan Dewey itu boleh diterimapakai untuk memandu amalan pendidikan. Kedua, penyelidikan ke atas amalan pendidikan bertujuan untuk mencari jawapan kepada permasalahan dalam bidang pendidikan khususnya tentang Pembelajaran-Pengajaran (P-P) dan kaitannya dengan perkembangan dalam masyarakat yang memungkinkan penghasilan teori-teori dan kaedah baru tentang P-P dan juga instrumen untuk mengukur pencapaian pengajaran. Oleh kerana pendidikan melibatkan interaksi guru dan murid, maka penyelidikan pendidikan wajar mengkaji tranaksi golongan ini. Guru adalah perantara budaya, menyalurkan nilai masyarakat dan bukan nilai peribadi sahaja kepada generasi baru. Justeru penyelidikan pendidikan sudah sewajarnya meliputi agenda moral yang lebih besar ini. Ketiga, penyelidikan juga bertujuan untuk menjelaskan konsep-konsep pendidikan dan meleraikan sebarang kekeliruan terhadapnya. Misalnya, pendidikan melibatkan pembelajaran, maka penyelidikan pendidikan wajar menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan pembelajaran tersebut yang memerlukan penganalisan terhadap berbagai-bagai bentuk pembelajaran yang terdapat, begitu juga konsep penilaian, guru, pembelajaran holistik, berpusatkan pelajar dan sebagainya.

Berbeda dengan teori saintifik yang deskriptif dan bertujuan untuk menjelaskan dan membuat ramalan, teori pendidikan bersifat preskriptif dan praktikal. Teori pendidikan meliputi teori tentang insan, ilmu dan kaedah untuk menjadikan pemindahan dan/atau pembinaan ilmu itu berkesan. Kerana perbezaan sifat dan tujuan ini, kaedah pengesahan teori saintifik sudah tentu berbeza dari kaedah pengesahan teori pendidikan. Walaupun demikian, adalah tidak betul untuk melihat teori pendidikan sebagai lebih rendah kerana ia tidak beroperasi seperti teori saintifik. Begitu juga tidak benar bahawa cuma teori saintifik sahaja yang asli dan boleh dipercayai (Moore, 1974).

Jika teori pendidikan tidak serupa dengan teori saintifik, bagaimanakah kesahihannya dibuktikan? Dalam kes ini, tidak ada gunanya kita meneliti dunia sekeliling kita dan melihat jika ada orang yang melaksanakan teori tersebut, atau mengumpulkan kes-kes praktikal yang memperlihatkan kesan positif, atau pun kesan negatif. Sesuatu teori praktikal atau preskriptif tidak boleh ditegaskan atau diruntuhkan dengan rujukan kepada dunia empirikal semata-mata. Ia boleh sahaja disahkan apabila penyelidik dapat menunjukkan bahawa kesimpulan-kesimpulan teori tersebut sungguh bermilai untuk diamalkan. Seperti juga teori saintifik, teori praktikal juga membuat beberapa andaian terhadap suatu hipotesis yang preskriptif. Andaian tersebut meliputi (i) matlamat yang ingin dicapai — seperti melahirkan seorang insan saleh atau adil, dan masyarakat saleh atau adil; (ii) andaian tentang sifat dan tabiat mereka yang ingin dididik — seperti dilahirkan dalam keadaan fitrah dan boleh dilentur; dan (iii) andaian tentang sifat ilmu — seperti ilmu itu boleh diperolehi.

Untuk mengkritik atau menolak sesuatu teori pendidikan, kita sewajarnya menunjukkan bukan sahaja kesimpulan preskriptif itu tidak dapat diterima secara logik, malahan kesimpulan itu tidak layak atau wajar berdasarkan andaian-andaian atau premis yang dibuat, atau pun andaian-andaian itu

sendiri boleh dipersoalkan. Bagi pemantapan sesuatu teori pendidikan, adalah penting bagi teori itu dikritik, dan ia seharusnya dapat dipertahankan daripada kritikan tersebut. Sekiranya teori itu mempunyai dakwaan empiris, ini boleh diperiksa dengan merujuk kepada fakta empiris sama ada yang dihasilkan menerusi survey (tinjauan), eksperimen atau ujian korelasi. Bukti-bukti empirikal boleh disumbangkan oleh ahli psikologi, ahli sosiologi atau ahli antropologi. Sekiranya teori itu melibatkan pertimbangan agama, ia boleh dirujuk kepada sumber asli agama, iaitu kitabnya dan tradisi warisannya. Sekiranya ia melibatkan pertimbangan nilai, maka ia boleh diujah dengan hujah falsafah dan juga agama. Sekiranya ia bersifat konseptual, maka ia boleh diujah dengan hujah bahasa dan mantik. Kalau ia berbentuk penghujahan, maka hujah yang digunakan boleh diuji untuk memastikan ujud koheren dalam penghujahan tersebut. Jika teori itu gagal dalam sebarang aspek ini, maka ia boleh ditolak daripada menjadi pedoman untuk memimpin amalan pendidikan.

Perdebatan falsafah yang melandasi penyelidikan

Dari sudut epistemologi, falsafah dan teori pendidikan boleh dimulikan dari sumber wahyu dan bukan sekadar pengalaman, pemerhatian, penggunaan akal rasional, autoriti, dan ilham. Malangnya dalam konteks pendidikan dewasa ini, semenjak pergerakan pendidikan progresif dan falsafah behaviourisme pada awal abad ke-20, khususnya pada tahun 1930an, penyelidikan pendidikan telah dilanda dengan igauan untuk mencontohi disiplin ilmu sains tabi'i dan menerap kaedah 'saintifik' (dalam konteks ini kaedah empiris) ke dalam penyelidikan pendidikan. Dengan penggunaan kaedah ini dalam sains sosial yang dipelopori oleh Comte, insan telah direndahkan martabatnya supaya menyerupai haiwan yang tidak berakal, tidak mempunyai kehendak dan tidak mempunyai kepercayaan dan seolah-olah mematuhi undang-undang mekanisma rangsang – respons (S-R) sahaja (Rosnani, 2000).

Pada waktu yang sama, disiplin ilmu psikologi mula mempengaruhi pendidikan sehingga kepentingan peranan asas sosial seperti falsafah, sejarah, ekonomi, politik dan sosiologi dalam pendidikan dipinggirkan. Ilmu psikologi yang diwarnai oleh paradigma behaviourisme inilah yang memulakan pergerakan ujian kepintaran, ujian pencapaian dan berbagai-bagai lagi ujian dan pengukuran dalam bidang pendidikan di samping menekankan kaedah saintifik dan penyelidikan berasaskan kaedah kuantitatif dalam bidang pendidikan. Kesannya, penyelidikan tentang ilmu pendidikan termasuk ilmu Pendidikan Islam, tertumpu kepada kaedah kuantitatif yang mendewakan statistik. Anggapan umum di kalangan sarjana dan penyelidik pendidikan, mahasiswa ilmu pendidikan dan pendidik ialah, tanpa penggunaan statistik, khususnya yang rumit, mutu penyelidikan itu boleh dipersoalkan atau dianggap rendah. Justeru, kaedah tinjauan melalui soal selidik, korelasi antara variabel dan eksperimen mula mewarnai lanskap penyelidikan pendidikan. Kita bukan menafikan kepentingan melakukan kerja-kerja penyelidikan dengan sistematis, iaitu satu daripada maksud saintifik, tetapi seperti yang kita hujahkan di atas, teori pendidikan tidak sama dengan teori saintifik dan objek yang dikaji juga tidak mempunyai ciri yang serupa. Insan amat berbeza daripada objek lain ciptaan Allah, khususnya insan diberi ruh, nafs, akal dan qalb. Martabat insan lebih tinggi berbanding makhluk lain kerana anugerah ini memberinya keistimewaan untuk membuat pilihan dan bukan tertakluk kepada wajib tunduk kepada sunnah alam seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, dan objek fizikal yang kecil dan besar.

Kesan dari ini, timbul persoalan dan perdebatan di sekitar tahun 1980an di kalangan sarjana pendidikan Barat sendiri yang menyedari bahawa rekabentuk penyelidikan saintifik atau kuantitatif bermasalah. Mereka meragui sama ada dapatan-dapatan yang dihasilkan daripada penyelidikan pendidikan bercorak kuantitatif yang mereka lakukan dapat dimanfaatkan dan memberi arah kepada amalan pendidikan. Timbul semula soalan (Carr,

1983; Gage, 1989) sama ada penyelidikan pendidikan boleh meniru kaedah saintifik empiris dalam ertikata kaedah penyelidikan sains tabi 'i. Eisner (1984), seorang professor di Stanford dan bekas presiden American Educational Research Association, berhujah bahawa jika penyelidikan pendidikan ingin memandu amalan pendidikan, maka ahli penyelidik pendidikan perlu mengambil pendekatan yang berbeza daripada pendekatan kuantitatif yang wujud masa kini. Bahkan menurut Rosnani (2000) pergerakan yang didokong mazhab behaviourisme telah mulai kendur dan layu dan diganti dengan psikologi kognitif yang dipelopori oleh Bandura. Justeru timbul pula pengambilan kaedah penyelidikan daripada disiplin sains sosial yang bersifat kualitatif bertentangan dengan idea yang dibawa oleh Comte. Perdebatan antara dua rekabentuk ini berlaku dengan hebat pada 1980an sehingga satu isu jurnal *Educational Researcher* di khususkan kepadanya. Perbahasan (Smith, 1983; Smith & Heshusius, 1986; Shulman, Eisner, 1984; Soltis, 1984) menjelaskan bahawa falsafah kedua-dua mazhab ini berbeza dari segi konsep realiti dan objektiviti, dari sudut hakikat, dan kebebasan atau ketersiratan fakta dengan nilai, di samping keberjatan yang berlaku apabila rekabentuk kuantitatif sahaja diaplikasikan.

Justeru, kekurangan kaedah kuantitatif dan ketidakseimbangan pendekatan penyelidikan yang digunakan untuk penyelidikan pendidikan sudah dirasakan oleh sarjana pendidikan di Barat. Namun ada pakar pendidikan (Pring, 2000; Soltis 1984) menegaskan bahawa dualisme dan pertentangan yang wujud antara dua mazhab kuantitatif dan kualitatif itu sebenarnya satu kesilapan. Malahan, mereka berpendapat bahawa kedua-dua mazhab ini diperlukan bagi kajian dalam bidang pendidikan. Bagaimana pun Soltis (1984) menjelaskan bahawa terdapat pelbagai bahasa dan logik bagi menjalankan penyelidikan pendidikan. Beliau menegaskan bahawa kepelbagaian bahasa dan logik ini boleh difahami dengan mengkaji akar umbinya yang tertanam dalam tiga tradisi falsafah kurun ke-20 yang

dominan, yaitu, empirisme logikal (positivisme), teori interpretif (analitikal, fenomenologikal dan hermeneutik); dan teori kritikal (neo-Marxis). Beliau berhujah bahawa kepelbagaian bahasa dan logik ini boleh difahami melalui penganalisan terhadap pedagogi, iaitu satu kegiatan mengajar yang dilakukan oleh manusia untuk membantu orang lain belajar. Kegiatan pedagogi ini ialah satu kegiatan sosial yang asas dan sejagat seperti juga kegiatan berkomunikasi, yang berlaku dalam semua masyarakat pada setiap masa dan tempat. Ia adalah satu unsur penting dalam pembangunan insan yang ingin diserapkan dengan tradisi sosial masyarakat tersebut.

Bagaimanakah seseorang penyelidik boleh mengkaji pedagogi? Oleh kerana pedagogi adalah satu kegiatan sosial yang melibatkan manusia dan juga mempengaruhinya, maka sudah tentu ia boleh dan wajar dikaji secara empirikal. Namun, tidak semua pengalaman pengajaran kita boleh dijelaskan secara sebab-musabab atau korelasi. Pedagogi melibatkan manusia iaitu guru dan murid, dan oleh itu ia melibatkan satu amalan dan kemahiran sosial. Justeru, ia juga melibatkan makna dan kefahaman yang ditafsirkan secara subjektif oleh kedua-dua pihak. Akhirnya, oleh kerana pedagogi merupakan satu interaksi yang melibatkan manusia, maka ia sudah tentu tidak bebas dari nilai mereka. Pedagogi juga sentiasa berlaku dalam suatu konteks sosial-sejarah sebab ia melibatkan interaksi insan dalam satu tempoh masa. Seseorang guru itu menyatakan atau melakukan sesuatu kepada muridnya dan perkara yang dilakukan itu boleh jadi baik atau buruk, benar atau salah, dan hasilnya, murid itu mungkin menjadi manusia yang lebih baik atau lebih buruk bergantung kepada apa yang diajarkan kepadanya. Justeru, aspek normatif yang melibatkan dimensi nilai tidak dapat dipisahkan daripada pedagogi. Natiujahnya, penganalisan terhadap aktiviti pedagogi menunjukkan bahawa dimensi empirikal (sebab-musabab), interpretif (tafsiran makna), dan kritikal (normatif) sememangnya merupakan ciri dan sifat pedagogi dan sekiranya penyelidikan ke atas pedagogi ingin berada di atas landasannya yang sebenar, maka ketiga-

tiga dimensi ini bukan sahaja dimensa empirikal, adalah relevan dan perlu dikaji. Oleh demikian, hujah beliau lagi (Soltis, 1984), penyelidikan pendidikan juga sewajarnya menerima ketiga-tiga falsafah ini dan ahli penyelidik perlu mempunyai pemikiran yang terbuka dalam menilai hasil penyelidikan daripada ketiga-tiga tradisi tersebut.

Kita sependapat dengan Soltis bahawa penyelidikan pendidikan sewajarnya bersifat empirikal, interpretif, normatif dan kritikal. Bagaimanapun dalam konteks penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam, kita ingin mengesyorkan supaya penyelidik beragama Islam wajib menimbangkan satu lagi sumber ilmu iaitu al-Qur'an. Realiti merupakan satu pokok persoalan dalam kedua-dua mazhab penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Bagaimanapun, dalam konteks penyelidik Muslimin, realiti tidak merupakan masalah besar sebab tasawwurnya sudah pun dijelaskan dalam al-Qur'an, termasuklah hakikat realiti itu sendiri. Berbanding dengan ilmu yang diperolehi dari sumber lain yang tidak mencapai tahap keyakinan yang mutlak dan masih disebut dengan darjah keyakinan alpha = 0.05, ilmu yang terkandung dalam al-Qur'an mencapai tahap keyakinan mutlak. Justeru Al-Qur'an wajib dijadikan kriteria khususnya dalam meneliti masyarakat dan fenomena sekeliling, memahami insan, membuat tafsiran, mencari norma-norma bagi tindakan tertentu dan menjadi lebih kritikal tentang sesuatu hujah. Ini adalah kerana al-Qur'an bukan sahaja bersifat theosentrik, iaitu menfokuskan tumpuannya kepada Tuhan dan sifat-sifatNya, tetapi ia juga bersifat antroposentrik, iaitu al-Qur'an juga menfokuskan kandungannya tentang manusia – tujuan penciptaannya, personalitinya, sifat psiko-sosialnya, dan destinasinya (W. M. Nor, 1994).

Reka bentuk dan metodologi penyelidikan bagi Pendidikan Islam

Seperti yang telah diutarakan sebelum ini, penyelidikan pendidikan dilakukan khusus untuk mengesahkan sesuatu teori pendidikan, mencari

jawapan kepada permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran yang memungkinkannya juga penemuan teori dan kaedah baru bagi memudahkan atau mengukuhkan pembelajaran dan menjelaskan konsep pendidikan dan sebarang kekeliruan terhadapnya. Bagaimanapun matlamat akhir penyelidikan pendidikan, bersesuaian dengan matlamat penyelidikan amnya adalah memperoleh makna dari ayat-ayat Allah yang terdapat pada alam ini termasuk pada diri insan itu sendiri dan juga KitabNya supaya ini dapat mengembalikannya kepada Allah yang Maha Pencipta lagi Maha Esa.

Perbincangan sebelum ini dapat menyimpulkan bahawa rekabentuk penyelidikan pendidikan dalam tradisi Barat boleh kini menerima kaedah kuantitatif, kualitatif, campuran antara kedua-duanya dan kaedah normatif, interpretif kritis. Dalam konteks penyelidikan Pendidikan Islam, reka bentuk penyelidikan tidak terbatas kepada reka bentuk kuantitatif dan kualitatif sahaja tetapi sumber ilmu harus merangkumi hakikat-hakikat realiti insan dan alam yang terdapat dalam al-Qur'an dan juga al-Sunnah. Kita tidak perlu terpelusuk ke dalam kancas perbincangan epistemologi barat yang sudah lama sekular dan menolak wahyu sebagai satu punca ilmu. Ini bermakna reka bentuk penyelidikan pendidikan Islam boleh jadi kuantitatif, kualitatif, atau campuran keduanya, tetapi yang pentingnya penyelidikan menimbang juga fakta-fakta yang terdapat dari sumber wahyu. Paling mustahak adalah reka bentuk ditentukan oleh soalan kajian dan bukannya reka bentuk ditentukan sebelum soalan kajian. Dengan penerimaan reka bentuk ini, maka metodologi penyelidikan menjadi lebih banyak. Penyelidik boleh menggunakan metodologi empiris seperti tinjauan melalui soal selidik kemudian diperkukuhkan dengan pemerhatian fenomena dan temubual dengan beberapa subjek yang dipilih. Atau penyelidik boleh melakukan eksperimen diikuti dengan pemerhatian yang dirakamkan supaya penyelidikan tidak akan kehilangan sebarang *detail* semasa dia sibuk memerhatikan dan mencatatkan peristiwa berkenaan.

Sememangnya penyelidik boleh menggunakan kaedah kualitatif selain daripada pemerhatian dan temubual seperti kajian kes, etnografi, kritikan kurikulum dan fenomenologi. Tetapi yang lebih penting lagi bagi tujuan Pendidikan Islam yang melibatkan unsur-unsur metafizik, epistemologi yang mencakup ilmu sains tradisional iaitu ilmu naqli, dan etika atau nilai adalah kaedah-kaedah analitis-kritis falsafah, sejarah, analisis dokumen atau teks dan biografi. Rekabentuk dan metodologi terakhir ini amat penting tetapi kian terabai kerana kurangnya penyelidik yang mempunyai pengetahuan tentangnya, sedangkan kita tahu bahawa persoalan akhlak, nilai, rohani dan unsur afektif yang lain tidak dapat dipecahkan dengan metodologi kuantitatif tetapi mungkin dengan kaedah ini dan dikuatkan lagi dengan kaedah kualitatif.

Bagaimana pun, analisis aliran penyelidikan ke atas Pendidikan Islam yang dilakukan oleh para siswazah di institusi pengajian tinggi mahu pun sarjana dalam bidang ini di Fakulti Pendidikan dalam negara, kita dapati hampir semuanya memberi tumpuan kepada penyelidikan yang melibatkan kegiatan pengajaran dan pembelajaran dan menggunakan reka bentuk jenis kuantitatif semata-mata. Dari 34 buah tesis sarjana pendidikan dalam bidang Pendidikan Islam yang diperoleh dari MyTO iaitu Malaysia tesis online (2007) yang merangkumi UKM, UM, UUM, USM, dan UTM dari tahun 1990 hingga 2004 (lihat Appendix), 22 daripadanya menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) menggunakan kajiselidik, 1 korelasi, 2 berbentuk eksperimen, 2 daripadanya teknologi pendidikan yang membina perisian, 1 bentuk deskriptif, 4 analisis teks dan konseptual, 2 sejarah dan biografi. Jelas sekali bahawa metodologi yang digunakan banyak tertumpu kepada kaedah tinjauan atau kajiselidik. Jika diamati pula judul dan metodologi tesis, kita akan dapati bahawa kebanyakannya berbentuk kajian persepsi guru atau pelajar. Kajian seperti ini sukar menghasilkan peralatan mahupun metodologi pengajaran yang lebih baik. Ia dapat memaklumkan kepada kita tentang status sesuatu atau pandangan

dan sikap golongan warga pendidikan terhadap sesuatu variabel yang dianggap penting dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam. Cuma ada dua yang menggunakan metodologi eksperimen yang boleh membantu dari segi percubaan-percubaan peralatan atau teknologi pendidikan, strategi atau kaedah pengajaran yang baru yang boleh menghasilkan sesuatu untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Mungkin metodologi yang digunakan dengan begitu kerap ini adalah cara mudah memperoleh data dalam masa yang singkat kerana pelajar mahu menamatkan pengajian mereka dengan secepat mungkin dan tesis ini sekadar memenuhi syarat graduasi. Malangnya perkara yang sama juga berulang di peringkat Doktor yang mana mahasiswa masih menggunakan kaedah tinjauan atau kajiselidik. Sudah tentu di peringkat pengajian doctoral dan selepasnya di kalangan penyarah Pendidikan Islam, kita ingin melihat penyelidikan yang lebih bermakna dan bermanfaat kepada pendidikan ummah. Memang sesuai benar untuk membuat penyelidikan yang berguna kepada pengamal pendidikan, penyelidikan wajar memberi lebih tumpuan kepada proses pendidikan daripada kandungan pendidikan dan mungkin mereka beranggapan bahawa kandungan yang mereka ajarkan adalah bidang penyelidikan Pengajaran Islam.

Tetapi bagaimana pula dengan kurikulum yang melibatkan falsafah, guru dan metodologi, kandungan subjek dan penilaian subjek. Kenapa ini kurang dikaji? Kepada siapakah persoalan tentang kaedah mengajar fiqh, sirah, al-Qur'an, aqidah, tarikh Islamiyah, tasawwur, akhlak, 'ibadah khusus dan Bahasa Arab yang terbaik hendak diaju dan diselesaikan kalau tidak kepada penyelidikan pendidikan Islam? Tetapi tidak ada satu pun persoalan ini disinggung oleh mereka. Kelemahan inilah membuat kaedah belajar membaca al-Qur'an yang didahulukan dengan pengantar Muqaddam menggunakan kaedah belajar yang lemah berkurun lamanya sehingga kaedah Iqra' atau Qiraati diperkenalkan pada kurun kedua puluh.

Saya katakan kaedah yang lama itu lemah sebab murid dikehendaki mengenali semua 28 abjad Arab (malahan ramai yang menghafaz urutannya tanpa mengenali abjad tersebut) sebelum mereka boleh diperkenalkan kepada vowelnya iaitu dammah, kasrah, fathah, dammatain, kasratain, fathatain dan yang selainnya untuk membolehkan mereka mengeja. Malahan saya sendiri terpaksa mencipta kaedah Iqra' untuk mengajar anak-anak saya belajar membaca al-Qur'an secara lebih pantas dan berkesan pada awal 1980an dengan menggunakan prinsip pedagogi yang saya pelajari sebelum kaedah itu diperkenalkan dengan meluas. Saya gunakan beberapa bahagian Muqaddam itu untuk peneguhan pembacaan setelah mereka mengenali semua vowel dan konsonan. Sekiranya persoalan tentang kaedah pembelajaran dan pengajaran ini dikemukakan, mungkin lebih banyak metodologi eksperimen dan juga kualitatif seperti pemerhatian, temubual dan kajian kes akan digunakan. Bagaimana pun untuk mencetuskan kajian tersebut, penyelidikan pendidikan Islam perlu mempunyai metodologi falsafah atau pedagogi kritis dan kepekaan kepada memikirkan masalah umat Islam itu sendiri.

Dalam banyak kajian pula, jarang sekali pendekatan metodologi yang diambil merangkumi lebih daripada satu tradisi falsafah iaitu empirisme, interpretif (tafsiran), kritikal-normatif berlandaskan wahyu seperti yang dibincangkan sebelum ini. Jarang sekali juga kita dapati penyelidikan cuba mencungkil konsep-konsep atau teori-teori pendidikan yang terdapat dalam al-Qur'an, mahu pun hadith atau warisan ilmu Islam, seperti konsep penilaian dalam pendidikan Islam. Kita tidak menafikan kepentingan bukti empirikal bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran tetapi kita khuatir kaedah ini tidak menyeluruh dan tepat dan oleh itu, tidak dapat memberi pedoman atau hasil yang boleh dimanfaatkan oleh pendidik di sekolah seperti yang telah kita bahaskan sebelum ini. Bak kata Kneller (1994:25), "menggunakan kaedah saintifik kepada subjek yang bukan saintifik (seperti pendidikan) sama seperti menggunakan kritikan

kesusasteraan kepada fizik". Kita khuatir juga bahawa jika kajian empirikal khususnya tinjauan (*survey*) menjadi tumpuan sepenuhnya, maka tidak akan berlaku perkembangan pemikiran dan kemajuan P-P dalam bidang ilmu pendidikan Islam sebab kandungannya melibatkan perkara yang bukan semuanya boleh dikaji dan dibukti secara empirisme. Ciri inilah yang membuat sarjana kelompok *Vienna Circle* yang berfahaman logikal positivisme menolak agama kerana ia tidak boleh dibuktikan secara empirisme.

Di samping itu, untuk melahirkan model pendidikan bersesuaian dengan alam Melayu, kita boleh merujuk kepada al-Qur'an, Sunnah, sejarah Islam dan kepulauan Melayu, pengajian tentang kesusasteraan Islam dan Melayu, antropologi dan semua ini perlu dianalisis menurut bingkai falsafah. Ibn Khaldun sendiri pernah melakukan penyelidikan kualitatif bermetodologi etnografi apabila beliau membandingkan cara masyarakat berlainan tempat di Afrika Utara mempelajari al-Qur'an seperti yang diuraikannya dalam *Muqaddimah*. Penyelidik pendidikan kita boleh mengambil teladan ini dengan melihat cara-cara mengajar fiqh, sirah, hadith, al-Qur'an dan sebagainya, membandingkan kaedah tersebut dan menonjolkan yang terbaik. Atau mereka boleh mencipta kaedah sendiri dan menggunakan kaedah eksperimen atau pemerhatian kualitatif untuk menggesahkannya. Sebarang aspek pendidikan boleh diusahakan modelnya, sama ada institusi, proses, kurikulum, kaedah, organisasi dan pentadbiran.

Lebih penting lagi, seperti yang kita sedia maklum, bahawa banyak teori dalam ilmu pendidikan yang kita terima dari Barat khususnya berkaitan dengan sains sosial dan sains kemanusiaan telah dicabut ruhnya dan dipenuhi dengan unsur-unsur 'asing' yang tidak selari dengan tasawwur Islam dan oleh itu perlu diolah kembali supaya ilmu itu benar-benar menepati fungsi sebenarnya. Proses yang disebut Islamisasi ini perlu dimainkan juga oleh ahli penyelidik Pendidikan Islam dan ini melibatkan

bidang pemikiran dan teori. Penyelidikan pendidikan juga harus mencakup usaha untuk mensintesis antara dapatan-dapatan empirikal dalam bidang ilmu yang diajar dengan teori-teori pembangunan insan dan pembinaan aqidah yang terdapat dalam al-Qur'an. Di peringkat sekolah, penyelidik Pendidikan Islam harus juga meneliti topik-topik yang diajar dalam subjek lain dan membuat kajian bagaimana topik tersebut dapat dijemakan dari perspektif Islam. Sekiranya ini dilakukan, sudah pasti buku teks sekolah rendah dan menengah menjadi lebih bersepadu dan sesuai untuk anak-anak Islam dan proses Islamisasi buku teks peringkat sekolah rendah dan menengah berlaku lebih pantas kerana ramainya penyelidik yang boleh melaksanakannya. Untuk ini penyelidik Pendidikan Islam perlu memiliki ilmu yang lebih luas selain ilmu shari'ah dan ilmu pendidikan, yang boleh mereka perolehi sama ada dengan membaca sendiri atau mengikuti kursus berkaitan di universiti mereka menuntut. Dalam usaha penyelidikan bukan berunsur Islamisasi, penyelidik wajar menggunakan rekabentuk bukan kuantitatif khususnya metodologi analitis-kritis falsafah – melakukan banyak analisis dan sintesis, meneliti ilmu dan nilai menerusi tasawwur Islam yang dijelaskan lagi dalam al-Qur'an dan hadith iaitu bidang penyelidik sendiri. Metodologi falsafah atau pedagogi kritis amat penting untuk penyelidik mengkaji persoalan-persoalan normatif yang tidak boleh dipecahkan oleh penyelidikan empiris seperti manakah yang harus diutamakan antara menghafaz al-Qur'an dengan seanyaknya dengan menghafaz sedikit tetapi dengan memahaminya; wajarkah dikembalikan pengajian falsafah dalam kurikulum Pendidikan Islam, wajarkah tasawwur diajar dalam Pendidikan Islam, wajarkah kitab Muqaddimah Ibn Khaldun atau kitab Ihya' al-Ghazali dipelajari di Tingkatan Enam, apakah yang dimaksudkan dengan Pendidikan Islam yang berkesan, dan sebagainya.

Dalam konteks penyelidikan Pendidikan Islam, penyelidik hendaklah bijak membezakan antara kandungan pendidikan — iaitu ilmu yang diajar dan dipelajari, dengan proses pendidikan — iaitu kegiatan mengajar dan belajar.

Dalam masyarakat yang semakin canggih dan dibanjiri dengan berbagai-bagai peralatan teknologi, kadangkala teknologi ini mengelirukan dan boleh pula menentukan kandungan pendidikan, walhal ia sebenarnya hanya alat bantu mengajar. Umpamanya, pengajaran sains dan matematik telah diremehkan kepada penghafazan fakta dan ketepatan aritmetik menerusi Pengajaran Berbantuan Komputer (CAI) atau Pengajaran Berprogram (*Programmed Instruction*). Justeru, teknologi wajar digunakan dengan bijaksana. Tidak wajar peralatan multimedia seperti television, video, CD-ROM dan Internet mengambil alih tugas guru sepenuhnya. Ia wajar digunakan selaku alat bantu mengajar. Begitu juga dengan teknologi penilaian masa kini yang timbul dengan pelbagai instrumen untuk peperiksaan. Mungkin kajian boleh dilakukan untuk melihat sejauh mana menyepadukan teknologi dalam P-P berkesan dalam Pendidikan Islam selain daripada alat bantu mengajar. Seperti yang kita bahaskan sebelum ini, penyelidik Pendidikan Islam perlu lebih berhati-hati malahan menjelaskan mahupun mengkritik pindaan bahasa yang digunakan untuk wacana pendidikan seperti *stakeholder* dan klien dari konsep Islam sendiri dan bukannya terikut-ikut dengan usaha menghakis keinsanan pendidikan. Sarjana Pendidikan khususnya sarjana pendidikan Islam, perlu peka kepada matlamat pendidikan untuk membentuk syaksiah dan intelek. Justeru itu, sebarang dapatan dari penyelidikan harus dinilai dari sudut moral sebelum ia diamalkan. Kita perlu pertimbangkan maksud berkesan ini dan menimbangkan juga sama ada kaedah itu dapat melahirkan pelajar yang lebih baik seperti lebih bertakwa, lebih berhikmah, lebih beristiqamah dalam amalan, lebih berfikir, lebih bertimbang-rasa, lebih prihatin kepada masyarakat atau lebih mengambil berat tentang perkara di sekitarnya.

Kesimpulan

Artikel ini telah berusaha untuk mendedahkan permasalahan dalam penyelidikan pendidikan yang mempengaruhi rekabentuk dan metodologi

penyelidikan dengan menelusuri falsafah yang mendasarinya. Ia mendedahkan bahawa penyelidikan yang kita lakukan hari ini masih dekat dan belum menghasilkan sesuatu yang boleh memajukan pendidikan umat. Justeru, sarjana pendidikan dan pendidik-pendidik Islam perlu memahami semula falsafah penyelidikan yang mereka dokong dan menjalankan penyelidikan yang lebih bermakna dalam ertikata membuat sumbangan kepada kemajuan umat dan ilmu. Selain daripada mendapatkan bukti-bukti empirikal untuk memperbaiki amalan pendidikan dari sudut proses, mereka juga bertanggung-jawab untuk melakukan penyelidikan yang boleh melahirkan model-model, dan teori-teori yang kukuh dari sumber wahyu untuk membimbing umat menurut zaman mereka. Untuk tujuan ini, sarjana dan pendidik Islam perlu juga melakukan kajian kritis terhadap sejarah, kesusasteraan dan falsafah pendidikan dari tradisi mereka sendiri. Dalam konteks pendidikan Islam, banyak lagi penyelidikan yang wajib dilakukan terhadap bidang-bidang ilmu fiqh, sirah, tarikh, tawhid, ibadat dan akhlak dalam usaha mencari prinsip-prinsip ilmiah dan kaedah pengajaran yang terbaik.

Rujukan

- Abdurrahman Salleh Abdullah. (1994). *Teori-teori pendidikan berdasarkan al-Qur'an*. Terj. H.M. Ariffin dan Zainuddin. Jakarta: Rineka Cipta.
- Al-Attas, S.M.N. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Ghazali. (1978). *Al-Qistas al-Mustaqim [The Just Balance]* tran. D.P. Brewster. Lahore: Sh Muhammad Ashraf.
- Berliner, D.C., Resnick, L. B., Cuban, L., Cole, N., Popham, W. J. dan Goodlad, J. I. (ed) (1997). "The vision thing": educational research and AERA in the 21st century, Part 2'. *Educational Researcher*, Jun/Julai.
- Carr, W. (1983). 'Can educational research be scientific?' *Journal of Philosophy of Education*. Vol. 17:1, hal. 35-43.
- Dawilah al-'Edrus, S.M. (1992). *Islamic Epistemology: An Introduction to the Theory of Knowledge in al-Qur'an*. Cambridge: Islamic Academy dan USM: Sekretariat for Islamic Philosophy and Science.
- Dearing Report (1994). *The National Curriculum and its Assessment*. London: School Curriculum and Assessment Authority dalam Pring, R. (2000). *Philosophy of Educational Research*. London: Continuum.
- Eisner, E. (1984, March), 'Can Educational research inform educational practice?' *Phi Delta Kappan*, hal. 447-452.
- Frankena, W.K. (1965). *Three Historical Philosophies of Education*. Chicago: Scott, Foresman & Co.
- Gage, N.L. (1989, Oktober). 'The Paradigm Wars and their aftermath.' *Educational Researcher*, hal. 4-10.
- Gutek, G.L. (1987). *A History of the Western Educational Experience*. Prospect Hts, IL.: Waveland Press Inc.

- Hillage Report (1998) *Excellence in Research on Schools*. University of Sussex: The Institute for Employment Studies.
- Kazmi, Y. (2000, Mac). 'The Role of Critical Thinking in Islam.' *Hamdard Islamicus* 23:1
- Kennedy, M. (1997). 'The connection between research and practice.' *Educational Researcher*, 26 (7).
- Kneller, G. F. (1994). *Educationalists and their vanities*. San Francisco: Caddo Gap Press.
- Malaysia Thesis Online. (2007). <http://portal.perpun.net.my/portal/index.php> diakses pada 12/05/07.
- Moore, T.W. (1974). *Educational Theory: An Introduction*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Nashabi, H. (1979). 'Islam and the liberal tradition,' in American University of Beirut, *The liberal arts and the future of higher education in the Middle East*. Beirut: American University of Beirut.
- Neuman, W.L. (1994). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches 2d Ed*. Boston: Allyn and Bacon.
- Pring, R. (2000). *Philosophy of Educational Research*. London: Continuum.
- Rosnani H. (2000, Julai). 'Fahaman Behaviorisme dan Penjelasan Tentang Perilaku Insan: Satu Analisis Kritis.' *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 9:1, hal. 19-28.
- Rosnani H. (2004). 'Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan Matlamat.' *Jurnal Pendidikan Islam*, Jil. 11:1, hal. 1-16.
- Sarton, G. (1927). *Introduction to the History of Science*. Baltimore, MD: Carnegie Institution of Washington.
- Shulman, L.S. (1981, Julai). 'Discipline of inquiry in education: An Overview'. *Educational Researcher*, h. 73-81.
- Smith, J.K. (1983, Mac). 'Qualitative vs Quantitative: An attempt to clarify the issue'. *Educational Researcher*, h. 6-13.

Smith, J.K. & Heshusius, L. (1986, Jun). 'Closing down the conversation: the end of the quantitative / qualitative debate among educational inquirers'. *Educational Researcher*, h. 4-12.

Soltis, J. F. (1984, Disember). 'On the nature of educational research'. *Educational Researcher*, hal. 5-10.

Wan.M.Nor W. Daud (1994). *Konsep Ilmu dalam Islam*. Terj. Rosnani H. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wyld, H.C. & Partridge, E. H. (ed.) (1968). *Webster Universal Dictionary*. London: Routledge & Kegan Paul.

Biodata penulis

Dr Rosnani Hashim, Professor Pendidikan di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Falsafah, Sejarah dan Sosiologi Pendidikan dengan minat yang mendalam untuk melahirkannya dari perspektif Islam. Buku yang ditulis termasuk *Educational Dualism in Malaysia* (1996, 2004), *Ekonomi Pendidikan dari Perspektif Islam* (2003) dan *Teaching of Thinking in Malaysia* (2003). Beliau adalah juga Editor untuk Jurnal Pendidikan Islam.

Appendik

Tesis online Perpun UM, UKM, UTM, USM, UiTM, UMS. (Sumber: <http://portal.perpun.net.my/portal/index.php> diakses pada 12/05/07).

A. Tinjauan (Survey)

1. "Amalan Kurikulum Pendidikan Islam (persatuan Pelajar-pelajar Islam) Membina Akhlak Remaja" Sj Pendidikan UKM 1999
2. "Halangan Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Daerah Kubang Pasu " M.Sc. (Edu.Mgmt.) - UUM, 2003.

3. "Hubungan Pengajaran Amali Dalam Pendidikan Islam Dengan Pelaksanaan Ibadah Solat Guru Pelatih" Sj Pendidikan UMS, 2004.
4. "Kemahiran Dan Sikap Pensyarah Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Di Maktab Perguruan Islam Bangi." Sj Pendidikan UKM, 2000.
5. "Kesan Kaedah Kitar Pembelajaran Ke Atas Prestasi Dan Sikap Terhadap Pendidikan Islam Di Kalangan Pelajar Matrikulasi." M.Ed USM, 2002.
6. "Kesan Pendidikan Islam Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur" Sj Pendidikan UKM, 1986.
7. "Masalah-masalah pengajaran pendidikan Islam (KBSSR)- Satu Kajian Persepsi Guru-guru Mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah rendah" Sj Pendidikan UKM, 1990.
8. "Pelaksanaan Pembelajaran Kolaboratif Dalam Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Islam " M.Sc.(Edu.Mgt.) - UUM, 2003.
9. "Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-quran Dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (kbsm) Di Maktab Rendah Sains Mara : Satu Kajian Kes." M.Ed USM, 1996.
10. "Pembangunan Insan : Peranan Pusat Pendidikan Islam Dan Unit Agama (hep) Terhadap Siswa-siswi Institut Teknologi Mara, Shah Alam" Sj Pengajian Islam UKM, 1998.
11. "Pendidikan Islam Dalam Program Pusat Pemulihan Akhlak Wanita: Kajian Kes Di Taman Seri Puteri Cheras, Selangor" S.P.I. UKM, 2004.
12. "Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan: Kajian Kes Kepada Pelajar Aliran Latihan Kemahiran" S.P.I., UKM 2003.
13. "Penghayatan Nilai Akhlak Dalam Pendidikan Islam Di Kalangan Pelatih-pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (mpt)kuala Lumpur" Sj Pendidikan UKM, 1995.

14. "Peranan Pendidikan Islam Dalam Pengukuhan Akidah Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes Di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Temerloh Dan Kuantan" S.P.I., UKM 2003.
 15. "Perkembangan Pendidikan Islam Dan Cabaran Sekularisasi Terhadapnya : Satu Kajian Khusus Di Sekolah-sekolah Menengah Agama Di Negeri Pahang" Sj Usuluddin UM, 1994.
 16. "Persepsi Dan Sikap Guru Pelatih Maktab Perguruan Raja Melewar (mprm) Seremban Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam: Satu Tinjauan." Sj Pendidikan UKM, 1996.
 17. "Persepsi Pelajar Terhadap Kursus Pendidikan Islam Di Universiti Teknologi Malaysia" Sj Sains (Teknologi Pendidikan) UTM, 1993.
 18. "Sejauhmana Pengurusan Sekolah Dan Sukatan Pendidikan Islam K B S M Dapat Dikaikkan Dengan Konflik Akhlak Pelajar Islam Di Sekolah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Sabak Bernam Selangor " (M.Sc.) UUM, 1995.
 19. "Sistem Pendidikan Islam : Satu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (uitm) Kampus Arau, Perlis." Sj Usuluddin UM, 2002.
 20. "Strategi Pengurusan Pendidikan Islam: Kajian Di Bahagian Pengurusan Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (japim) Kementerian Pendidikan Malaysia" S.P.I. UKM, 2003.
 21. "Penggunaan Dan Permasalahan Alat Bantu Mengajar Di Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Tinjauan Di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan." Sj Sains UKM, 2000.
 22. "Kesan Kaedah Video, Ohp, Tunjukkan Dan Amali Bagi Pengajaran Ibadat (pendidikan Islam Kbsm) Kepada Pelajar Tingkatan Satu." M.Ed USM, 1999.
- B. Korelasi**
1. "Pengajaran Dan Pembelajaran Koperatif (tgt) Dapat Meningkatkan Pencapaian Pendidikan Islam Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Sek. Men. Keb. Bachok." Sj Pendidikan UKM, 1998.
- C. Kajian Eksperimental**
1. "Keberkesanan Modul Sinergi Meningkatkan Kualiti Pengurusan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Sekolah Menengah Di Jajahan Tumpat Kelantan Darul Naim Satu Kajian Eksperimental " (M.Sc) - UUM, 1995.
 2. "Keberkesanan Pendekatan Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif (kbkk) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Satu Kajian Eksperimen Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lil-banaat Kota Bharu, Kelantan." UKM, 2000.
- D. Analisis teks**
1. "Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah." (M.Ed.), UM 1996.
 2. "Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Suatu Kajian Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat" Sj Pendidikan UKM.
 3. "Mata pelajaran Pendidikan Islam elektif Tingkatan IV dan V Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Suatu analisis konseptual tentang matlamat dan kandungannya" Sj Pendidikan UKM, 1990.
 4. "Surah Luqman : Suatu Analisa Tentang Asas-asas Pendidikan Luqman Dan Hubungannya Dengan Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah " Sj. P Islam UKM, 1991.

E. Sejarah/Biografi

1. "Mohammad Natsir: Pendidik Ummah (Kajian atas Fikiran-fikiran tentang pendidikan islam di Indonesia." Doktor Falsafah UKM, 1999.
2. "Peranan Ulama' Dalam Bidang Pendidikan Islam Di Negeri Kelantan : Suatu Kajian Khusus Di Antara Tahun 1940 Hingga 1990" Thesis (Ph.D.)-UM, 1999.

F. Penyelidikan Perkembangan (*Developmental Research*)

1. Pembangunan Dan Penilaian Perisian Multimedia Interaktif Pendidikan Islam Kbsm" Sj Pendidikan (Teknologi Pendidikan) UTM, 2000.
2. "Pembinaan Perisian Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam "Sj Pendidikan UKM, 2003. 24.

BOOK REVIEW

Reconfiguring Islamic Tradition: Reform, Rationality, and Modernity

Samira Haj, Stanford, Ca.: Stanford University Press, 2009. pp. 284+xiii.

One can understand the goal of the book from the author's words (p. 6) : "My goal is to provide a way of conceptualizing the Islamic tradition that is different from that proposed by conventional scholarship. I also want to illuminate some aspects of how Muslims view modernity, as these views have been overshadowed by Western scholarship and because they problematize assumptions founded on the oppositional dichotomies of modern versus traditional, secular versus sacred." In other words, I want to demonstrate that a tradition is not simply the recapitulation of previous beliefs and practices; rather, each successive generation confronts its particular problems via an engagement with a set of ongoing arguments." The author drew on the works of MacIntyre to conceptualize tradition "as an ever-changing set of socially embodied arguments extended through time" and Talal Asad who suggests that "a more effective way of addressing Islam is to approach it the way Muslims do – namely, as a 'discursive tradition' consisting of historically evolving discourses embodied in the practices and institutions of communities" (p. 4).

She argues that many scholars have made the wrong conclusion that 'fundamentalist' Islamic movements that violently reject Western modernity embody the essence of Islam because of their failure to approach Islam on its own terms and not being able to imagine Islam as inhabiting a modern world (p.5). On the other hand, Islamic thinkers who "seek to redefine a modern Islam are viewed as inevitably borrowing from liberal political thoughts" (p.6). The author wants to demonstrate through this work that Muslims and Islam can modernize but in their own terms and